

12/04/1997

Malaysia tidak layan tekanan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak dapat menerima tekanan daripada mana-mana individu atau negara lain yang cuba mendesaknya melakukan sesuatu yang bercanggah dengan dasar negara ini.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia lebih yakin kepada tindakan yang proaktif serta langkah yang membina daripada sebarang bentuk tekanan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

"Ini adalah pendekatan kami dan ia lebih baik daripada mengenakan sekatan. Saya rasa ancaman seumpama ini tidak baik untuk mempengaruhi negara lain," katanya ketika menjawab soalan dalam sesi dialog dengan tokoh korporat Britain selepas merasmikan mesyuarat bersama Persatuan Malaysia-British dan Persatuan British-Malaysia.

Selain itu, Dr Mahathir berkata beliau yakin pendekatan alternatif dapat menyelesaikan banyak masalah antarabangsa, terutama di kalangan negara membangun dan miskin.

"Bagaimanapun, pendekatan Malaysia selalunya tidak dihargai oleh Eropah dan Amerika kerana mereka berpendapat satu-satunya jalan untuk mendisiplinkan orang lain ialah dengan memukul mereka," katanya.

Menjawab soalan lain, Perdana Menteri berkata penjelasan mengenai ajaran Islam yang sebenar kepada bukan Islam amat penting bagi mengikis tanggapan negatif terhadap agama itu.

Menurutnya, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Universiti Oxford akan menganjurkan seminar mengenai perkara itu pada penghujung bulan ini.

"Selama ini, Islam dianggap sebagai agama yang menganjurkan keganasan dan peperangan sedangkan konsep sebenarnya ialah keamanan, keadilan dan kemakmuran. Ini bukan sahaja tidak difahami bukan Islam, malah umat Islam sendiri," katanya.

Selain itu, beliau turut meminta media Britain bersikap lebih adil dalam melaporkan berita mengenai negara membangun dan Islam.

Menurutnya, walaupun mendakwa mendokong amalan demokrasi, media Britain sepatutnya sensitif dan memahami kedudukan negara lain yang turut mengamalkan demokrasi.

Mengenai isu kemasukan Myanmar ke dalam Asean, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan Barat untuk menjatuhkan kerajaan Myanmar sekarang kerana ia akan mengembalikan negara berkenaan kepada era 'tutup pintu'.

Menurutnya, kesediaan kerajaan Myanmar membuka pintu kepada dunia luar adalah baik kerana lama kelamaan, mereka akan berubah bagi mengekalkan kedudukan mereka.

(END)